

**Tiga Pelajar MRSM Harumkan Nama Negara Apabila Menangi Pingat Emas Bernama**  
**14 Februari , 2012**

SEPANG, 14 Feb (Bernama) -- Tiga pelajar Maktab Rendah Sains Mara (MRSM) Terendak, Melaka mengharumkan nama negara apabila memenangi pingat emas dalam pertandingan, International Youth Invention Exhibition 2012 di Far East University, Tainan, Taiwan.

Mereka menang kerana kajian yang bertajuk "Salt Cell Using Salt Solution, Other Alternative to Replace The Usage Of Dry Cell" dalam acara yang berlangsung selama tiga hari bermula 11 Feb lalu.

Ketiga-tiga mereka yang berusia 17 tahun adalah Mohd Syafiq Abd Aziz, Muhammad Dhiyamuddin Asyraf Abd Talan, dan Muhammad Nazmi Mohamad Norrizal.

Pengetua MRSM Terendak Noor Hassan Hussan ketika ditemui pemberita di Lapangan Terbang Antarabangsa KL di sini berkata:

"Ini merupakan titik permulaan kepada mereka dan pelajar-pelajar lain supaya lebih aktif untuk memasuki pertandingan di peringkat antarabangsa pada masa akan datang".

---BERNAMA

Hakcipta © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=645721>